



ASJGB

ANUGERAH SUBANG JAYA
GEMILANG BERSAMA

20/21

PANGGILAN UNTUK PENCALONAN

ANUGERAH SUBANG JAYA GEMILANG BERSAMA 2020/2021

Anugerah Subang Jaya Gemilang Bersama 2020/2021 adalah merupakan pengiktirafan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) kepada komuniti yang terlibat dalam penyertaan awam dalam usaha menjadikan Bandaraya Subang Jaya antara penempatan manusia terbaik dan mampan bertaraf dunia.

Pengiktirafan ke atas inisiatif-inisiatif awam ini adalah merupakan terjemahan 'perkongsian wawasan bandar untuk semua' yang akan membantu melonjakkan identiti Subang Jaya sebagai 'Bandaraya Smart Vibrant' dengan realiti sebagai sebuah bandaraya yang hidup (*lively*), bersemangat (*high spirit*), bertenaga (*energetic*), mesra (*friendly*), hijau (*green*) dan pintar (*smart*).

SYARAT PENYERTAAN

TEMA

**Bandaraya Mampan yang Bestari, Kota Niaga
dan Kediaman Idaman**



LOKASI PROJEK

Projek mesti terletak di dalam kawasan pentadbiran Bandaraya Subang Jaya.



KEBOLEHCAPAIAN PROJEK

Projek mesti dapat diakses oleh orang ramai dan memberikan faedah bagi masyarakat setempat.



STATUS PROJEK

Projek yang telah disiapkan samada keseluruhannya atau berfasa. Tempoh projek tidak melebihi 3 tahun.



NILAI PROJEK

Projek mestilah mempunyai nilai pembelajaran, strategi, dan teknik yang dapat direplikasi dan diadaptasi oleh pihak lain.

KATEGORI ANUGERAH



Anugerah Terbaik
Inisiatif Bandar Selamat



Anugerah Terbaik
Inisiatif Bandar Sejahtera



Anugerah Terbaik
Inisiatif Bandar Hijau



Anugerah Terbaik
Inisiatif Bandar Sihat



Anugerah Terbaik
Inisiatif Bandar Pintar



Anugerah Terbaik
Inisiatif Bandar Makmur



Anugerah Terbaik
Inisiatif Kreatif dan Inovatif

The image features a dark blue background with a decorative gold graphic element on the right side. This element consists of two parallel lines that curve from the top right towards the bottom right, creating a stylized, angular shape. The text is centered on the left side of the page.

**PERINCIAN
KATEGORI
ANUGERAH**

KATEGORI 1

ASJGB • 20/21

Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Selamat

Pelaksanaan inisiatif yang menyokong bagi menjadikan Bandaraya Subang Jaya yang bebas daripada semua **ancaman** fizikal, sosial dan mental. Inisiatif ini membolehkan orang awam sentiasa **berasa selamat** dengan persekitaran yang sentiasa terpelihara dan terhindar daripada kejadian mengganggu-gugat kesejahteraan setempat.

Elemen kerjasama sosial adalah merupakan aspek penting dalam mempraktikkan konsep '*defensible space*' iaitu interaksi ruang yang boleh bertindak balas untuk mencegah jenayah/bencana.

CONTOH INISIATIF

- CCTV, pencahayaan, laluan pejalan kaki, pemasangan bollard/pemisah, pembersihan kawasan terpinggir, kawasan rukun tetangga (KRT), pagar/pondok keselamatan/pondok polis, papan tanda keselamatan, cermin keselamatan, keselamatan cerun, tebatan banjir, dll.

BENTUK INISIATIF

Inisiatif yang dilaksanakan adalah dalam bentuk

- **Penyediaan infrastruktur fizikal**; atau
- **Pelaksanaan program**; atau
- Kedua-duanya.



KATEGORI 2

ASJGB • 20/21

Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Sejahtera

Pelaksanaan inisiatif yang menterjemahkan prinsip 'tiada siapa pun yang tertinggal' dengan memberi fokus kepada **keperluan wanita, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya**. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini adalah tidak terhad dan dapat membantu kepada pemerkasaan golongan tersebut daripada diskriminasi tidak adil. Ini secara tidak langsung akan memperlihatkan realiti praktik keterangkuman sosial dalam Bandaraya Subang Jaya.

CONTOH INISIATIF

- Mereka bentuk semula ruang fizikal (place making) untuk manfaat awam, rejuvenasi persekitaran penempatan/kediaman yang kondusif, promosi pelancongan, seni dan kepelbagaian warisan budaya, pengurangan jurang pluralisme antara masyarakat (wanita, kanak-kanak, warga tua, orang kurang upaya), 'green lane' OKU/warga emas/wanita mengandung, parking wanita/OKU, bilik penyusuan, ramp OKU, penyediaan kemudahan OKU dalam dan luar bangunan, 'panic button', pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja, gerabak khas LRT, Hari Khas Wanita (penggunaan gym, kolam renang, dll.), dll.

BENTUK INISIATIF

Inisiatif yang dilaksanakan adalah dalam bentuk

- **Penyediaan infrastruktur fizikal**; atau
- **Pelaksanaan program**; atau
- Kedua-duanya.



KATEGORI 3

ASJGB • 20/21

Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Hijau

Pelaksanaan inisiatif yang membawa kepada kesan **pengurangan karbon**. Inisiatif yang dilaksanakan boleh menjurus kepada pelbagai dimensi kemampanan seperti penjimatan sumber tenaga, penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui, eksplorasi teknologi hijau, pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem, pengurusan sisa mesra alam, kawalan pencemaran, dan lain-lain.

Pada akhirnya, inisiatif ini dilihat akan dapat membantu (daripada reaktif kepada proaktif) kepada pembentukan gaya hidup komuniti yang lestari.

CONTOH INISIATIF

- Penggunaan teknologi solar, lampu LED, aktiviti kitar semula, pengkomposan sisa, kebun komuniti, sistem peneupatan air hujan, pensijilan bangunan hijau, dll.

BENTUK INISIATIF

Inisiatif yang dilaksanakan adalah dalam bentuk

- **Penyediaan infrastruktur fizikal**; atau
- **Pelaksanaan program**; atau
- Kedua-duanya.



KATEGORI 4

ASJGB • 20/21

Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Sihat

Pelaksanaan inisiatif yang menyokong kepada kesihatan sosial. Dimensi kesihatan ini tidak terhad dan boleh melangkaui inisiatif yang menjurus kepada kesihatan fizikal, kesihatan mental, gaya hidup sihat harmoni alam sekitar, keseimbangan nutrisi, kesedaran pendidikan kesihatan, pencegahan pandemik dan lain-lain.

Inisiatif ini akan membantu mewujudkan komuniti Bandaraya Subang Jaya yang sihat, bahagia, penyayang dan saling berinteraksi.

CONTOH INISIATIF

- Penyediaan infrastruktur kesihatan (contoh laluan basikal, laluan pejalan kaki, fasiliti kesihatan) sebagai galakan untuk gaya hidup sihat, program kesihatan sosial awam, dll.

BENTUK INISIATIF

Inisiatif yang dilaksanakan adalah dalam bentuk

- **Penyediaan infrastruktur fizikal;** atau
- **Pelaksanaan program;** atau
- Kedua-duanya.



KATEGORI 5

ASJGB • 20/21

Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Pintar

Pelaksanaan inisiatif yang mengambil **pendekatan bandar pintar**; ini termasuklah inisiatif-inisiatif yang wujud hasil daripada peluang pendigitalan, tenaga dan teknologi bersih, teknologi pengangkutan inovatif, memanfaatkan inovasi dalam teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi, keselamatan siber, rangkuman simulasi dan realiti maya (*augmented reality*), teknologi awan (*cloud computing*), integrasi sistem, analisis data besar (*big data*), dll.

Matlamat inisiatif bandar pintar ini adalah mewujudkan **capaian pintar** yang merupakan gerbang kepada bibit-bibit awal kepada pengenalan dunia '*Internet of Things (IoT)*' serta era Revolusi Industri 4.0.

CONTOH INISIATIF

- Liputan rangkaian 5G, automasi robot dalam kehidupan, kenderaan dan navigasi pintar, kediaman pintar, aplikasi dron, aplikasi dalam talian, pembuatan additif (percetakan 3D), '*transit oriented development (TOD)*', '*cashless society*', '*e-paper*', dll.

BENTUK INISIATIF

Inisiatif yang dilaksanakan adalah dalam bentuk

- **Penyediaan infrastruktur fizikal**; atau
- **Pelaksanaan program**; atau
- Kedua-duanya.



KATEGORI 6

ASJGB • 20/21

Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Makmur

Pelaksanaan inisiatif yang inklusif yang menyokong kepada usaha ke arah **kemakmuran** Bandaraya Subang Jaya. Inisiatif ini membantu dalam meningkatkan **kualiti kehidupan** masyarakat yang berasaskan dimensi kemakmuran bersama yang berpegang kepada prinsip **pengagihan secara adil, pertumbuhan dan perpaduan**.

Matlamat inisiatif bandar makmur ini adalah menggalakkan pertumbuhan ekonomi tempatan yang merentas batas kaum, kelas dan wilayah bagi menyelesaikan masalah keterpinggiran ekonomi yang dialami oleh sesuatu kaum yang jika di biar berlarutan berpotensi menjejaskan keharmonian dan kestabilan negara.

CONTOH INISIATIF

- Inisiatif yang termasuk dalam kategori ini adalah seperti projek bidang ekonomi baru, pembangunan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, pemberdayaan keusahawanan yang memberi fokus kepada meningkatkan daya saing ekonomi bandar seperti pembasmian kemiskinan, galakan keusahawanan golongan B40; promosi pelancongan, seni kreatif dan kepelbagaian warisan budaya, dll.

BENTUK INISIATIF

Inisiatif yang dilaksanakan adalah dalam bentuk

- **Penyediaan infrastruktur fizikal**; atau
- **Pelaksanaan program**; atau
- Kedua-duanya.



KATEGORI 7

ASJGB • 20/21

Anugerah Terbaik Inisiatif Kreatif dan Inovatif

Kemajuan sesuatu kota digambarkan dengan sejauh mana amalan pembudayaan kreatif dan inovatif dikalangan warganya. Sehubungan dengan itu, anugerah khas ini memberi pengiktirafan terhadap usaha untuk membudayakan amalan kreatif dan inovatif di dalam kehidupan seharian (rumah/tempat kerja/kejiranan).

Mari perlihatkan cetusan idea-idea kreatif dan inovatif anda dan bagaimana idea-idea tersebut memberi manfaat kepada masyarakat awam.


CONTOH INISIATIF

- Sebarang inisiatif kreatif dan inovatif yang menjurus kepada manfaat dimensi fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.

BENTUK INISIATIF

Inisiatif yang dilaksanakan adalah dalam bentuk

- **Penyediaan infrastruktur fizikal;** atau
- **Pelaksanaan program;** atau
- Kedua-duanya.



SIAPA YANG BOLEH MENYERTAII?

Terbuka kepada SEMUA PERINGKAT PENYERTAAN (yang berada di bawah pentadbiran MBSJ) seperti berikut:



Agensi Kerajaan



Agensi Swasta

Pemaju, Premis Komersial/Business Community, dll.



Pihak Awam

Orang Awam, Persatuan Penduduk, NGO, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), dll.



Institusi Pendidikan

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Sekolah.

PANDUAN PENYERTAAN

- Peserta perlu mengisi Borang Penyertaan dengan lengkap berserta Dokumen Sokongan
- Penyertaan adalah percuma.
- Sila kemukakan semua keperluan penyertaan tersebut selewatnya pada 31 Ogos 2021 kepada Sekretariat ASJGB 2020/2021



a) Borang Penyertaan

1. Penyertaan hendaklah dibuat menggunakan Borang Pencalonan ASJGB 2020/2021.
2. Peserta mestilah melengkapkan borang pencalonan tersebut dengan sempurna;
 - Bahagian A: Maklumat Penyertaan
 - Bahagian B: Ringkasan Projek
 - Bahagian C: Justifikasi Pencalonan



b) Dokumen Sokongan

1. Sila sediakan dokumen sokongan tidak melebihi 25 halaman seperti berikut;
 - i. 'Softcopy' dalam format PDF
 - ii. 'Hardcopy' – 2 salinan
2. Dokumen sokongan hendaklah memperihalkan perkara tersebut:
 - i. Latar belakang
 - ii. Penjelasan inisiatif/projek
 - iii. Rakan Strategik
 - iv. Impak
 - v. Kemampanan
 - vi. Kebolehpindahan dan peningkatan skala
 - vii. Inovasi
 - viii. Pengiktirafan terhadap inisiatif

TARIKH PENTING

**tertakluk kepada perubahan*

1 Januari 2021
Tarikh peyertaan dibuka



31 Ogos 2021
Tarikh peyertaan ditutup



1-15 September 2021
Penilaian Penyertaan



20 Oktober 2021
Penyampaian Anugerah



15 Oktober 2021
Pemakluman Keputusan



BORANG PENCALONAN ASJGB 2020/2021

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PENYERTAAN

Nama projek:

Dikemukakan oleh

PERINCIAN ORGANISASI

Nama : Alamat Penuh :

Jawatan : Poskod : Tel :

Organisasi : HP : Faks :

Nama untuk dihubungi :

Alamat emel :

SIAPA YANG BOLEH MENYERTA?

- Agensi Kerajaan
- Agensi Swasta (Pemaju/Premis Komersial/Business Community, dll)
- Institusi Pendidikan (IPTA, IPTS, Sekolah)
- Pihak Awam (Orang Awam, Persatuan Penduduk, NGO, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), dll)

KATEGORI PENCALONAN

Pilih hanya satu untuk setiap pencalonan

- Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Selamat
- Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Sejahtera
- Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Hijau
- Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Sihat
- Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Pintar
- Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Makmur
- Anugerah Terbaik Inisiatif Kreatif dan Inovatif

BAHAGIAN B: RINGKASAN PROJEK

MAKLUMAT PROJEK

Lokasi :

Skala
*Tandakan skala projek
yang dilaksanakan*

Kejiranan Komuniti Zon Perbandaran Antara Agensi

Deskripsi Projek :
*Nyatakan ringkasan/
abstrak projek yang
dilaksanakan*

BAHAGIAN C: JUSTIFIKASI PENCALONAN

Justifikasi Pencalonan :

*Senaraikan lima (5) sebab
mengapa projek ini dianggap
cemerlang dan istimewa*

DOKUMEN SOKONGAN

1. Sila sediakan dokumen sokongan dalam format PDF tidak melebihi 25 halaman.
2. Format dokumen sokongan dan perihal pemarkahan:
 - i. Latar Belakang (5 markah):**

Maklumat berkenaan organisasi/individu termasuk matlamat dan pengalaman yang mempunyai hubungkait dengan tajuk penyertaan.
 - ii. Penjelasan inisiatif/projek (15 markah):**

Menyatakan situasi atau masalah objektif, sasaran manfaat, kos yang dikeluarkan dalam bentuk kapasiti, material dan sumber kewangan.
Aktiviti yang dilaksanakan dan tempoh projek.
 - iii. Rakan strategik (10 markah):**

Senaraikan rakan kongsi dan peranan serta tahap penyertaan mereka dalam perancangan reka bentuk pelaksanaan dan pembiayaan projek.
 - iv. Impak (20 markah):**

Pencapaian outcome dan impak, anggaran bilangan penerima manfaat, bentuk manfaat yang diterima.
 - v. Kemampanan (20 markah):**

Jelaskan bagaimana inisiatif yang dilaksanakan berjaya menghasilkan perubahan yang berterusan. Nyatakan berapa lama untuk mencapai impak yang diinginkan dan mengekalkannya sehingga ke tahap tersebut. Sekiranya terdapat komitmen penggunaan sumber bagi mengekalkan impak yang diinginkan tersebut, sila nyatakan bagaimana ianya dijamin dan dilestarikan secara komersial dan sosialnya.
 - vi. Kebolehpindahan dan peningkatan skala (15 markah):**

Amalan terbaik, pembelajaran yang diperoleh daripada projek.
Nyatakan sama ada projek ini boleh direplikasi dan terangkan bagaimana ia berlaku.
 - vii. Inovasi (10 markah):**

Terangkan aspek utama ciri-ciri inovasi/penambahbaikan bagi inisiatif ini.
 - viii. Pengiktirafan terhadap inisiatif (5 markah)**

Berikan senarai rujukan, artikel, penerbitan, laporan media mengenai inisiatif yang dilaksanakan ini.

MAKLUMAT LANJUT

Sekiranya memerlukan maklumat lanjut, bolehlah menghubungi pihak sekretariat;



**JABATAN KORPORAT DAN PENGURUSAN STRATEGIK
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

Persiaran Perpaduan, USJ 5, 47610 Subang Jaya.



En Mohd Hafiz Bin Sharif



hafiz.sharif@mbsj.gov.my



03-8026 3125 / 019 223 0361

En Zamir Umbra Bin Shahimi

zamir.umbra@mbsj.gov.my

03-8026 4464 / 012 657 7527

En Mohd Shahuddin Bin Baharom

mohd.shahuddin@mbsj.gov.my

03-8026 3204 / 017 303 7123